



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
PENGERUSI RISDA**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KONVENSYEN AMALAN PERTANIAN BAIK  
(GAP) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2017**

**TEMPAT : DEWAN PERDANA TAMPIN, NEGERI  
SEMBILAN**

**TARIKH : 4 APRIL 2017 (SELASA)**

**MASA : 3.00 PETANG**

## **Salutasi**

- 1. Y.Bhg.En.Abu Hassan bin Mohd Ali  
Pengarah RISDA Negeri Sembilan**
  
- 2. Y.Brs.En.Kamarul Azizi bin Mat Zin  
Timbalan Pengarah RISDA Negeri Sembilan**
  
- 3. Pegawai-Pegawai Pejabat RISDA Negeri Sembilan/ Pegawai-Pegawai  
RISDA Daerah Negeri Sembilan**
  
- 4. Yang Dikasihi Pekebun-Pekebun Kecil RISDA Negeri Sembilan.**
  
- 5. Rakan-rakan media**
  
- 6. Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.**

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia**

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana di atas limpah dan kurnia-Nya maka kita dapat berkumpul di dalam Majlis Perasmian Penutup Konvensyen Amalan Pertanian Baik ( GAP ) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2017 pada petang ini. Pada waktu harga getah yang amat baik ketika ini, program konvensyen ini merupakan satu usaha RISDA dalam membudayakan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan seterusnya merangsang ke arah peningkatan produktiviti. GAP merupakan satu sistem pengurusan yang mengamalkan amalan pertanian yang mengikut standard dan peraturan bagi mendapatkan hasil yang tinggi di samping mengurangkan risiko dan impak negatif terhadap alam sekitar.
2. Untuk makluman tuan/puan, saya juga ingin mewar-warkan pelantikan Ketua Pengarah RISDA yang ke-15, Yang Hormat Dato Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad berkuatkuasa 22 Mac 2017 yang lalu menggantikan YBhg.Tn.Hj.Mohd Najib bin A.Samad yang telah bersara wajib. Saya berharap dengan pelantikan baharu ini beliau dapat membawa RISDA ke arah yang lebih maju

dan berjaya demi kemajuan pekebun kecil seluruh negara.

Hadirin sekalian,

3. RISDA melalui Program GAP ini turut menyediakan bantuan Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG) sebanyak RM 16 juta kepada seluruh pekebun kecil di Malaysia meliputi pemberian baja dan bahan rangsangan lateks seperti Mortex. Bantuan ini amat penting bagi RISDA dalam membantu meningkatkan keluasan kebun getah matang bertoreh ke arah peningkatan pendapatan pekebun kecil. Melalui bantuan ini, ia dapat memastikan produktiviti kebun matang ditingkatkan kepada 1800 kg/hek/tahun disamping memastikan kebun getah matang terus ditoreh mengikut amalan pertanian baik (GAP).
  
4. Pada tahun ini, saya difahamkan RISDA Negeri Sembilan telah diberi peruntukan SIPG sebanyak RM 1.7 juta untuk di agihkan kepada kumpulan sasaran pekebun kecil seramai 3,769 orang dengan keluasan 5,341.67 hektar. Manakala peruntukan Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG)

bagi Negeri Sembilan adalah RM 300,000.00. Insentif ini merangkumi mangkuk getah, dawai penyangkut, sudu getah, pisau toreh, batu asah dan racun rumpai.

5. Adalah menjadi harapan RISDA, supaya pekebun kecil terus merebut peluang yang disalurkan oleh Kerajaan melalui program RISDA dan memberikan komitmen yang baik dalam menjayakan apa-apa aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan. RISDA hanya boleh merancang dan membantu tetapi pekebun kecil sendiri mestilah menetapkan matlamat hidup mereka dan berusaha untuk mencapainya manakala yang lain diserahkan kepada ALLAH S.W.T.
  
6. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada RISDA atas jemputan bagi merasmikan Majlis Perasmian Penutup Konvensyen Amalan Pertanian Baik (GAP) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2017 ini. Kepada tuan-tuan dan puan-puan masyarakat pekebun kecil, saya ucapkan terima kasih atas segala sumbangan kepada industri getah dan sawit negara. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat memanfaatkan segala kemudahan dan bantuan kerajaan yang

disediakan dan akan beroleh kejayaan dalam meningkatkan kemajuan diri dan keluarga, dan pada masa yang sama dapat memperkasa sektor perladangan dan pertanian di negara kita. Semoga majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil.

Dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirrahim**' saya dengan ini merasmikan "Majlis Perasmian Penutup Konvensyen Amalan Pertanian Baik ( GAP ) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2017" .

**Sekian.**

**Wabillahi Taufik Walhidayah,**

**Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.**